

29 NOV 2002

Mahathir-Sistem

K'JAAN KAJI KESELURUHAN SISTEM PERSEKOLAHAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan sedang mengkaji keseluruhan sistem persekolahan sedia ada bagi memastikan semua anak-anak akhirnya bersekolah di sekolah kebangsaan yang memberi pendidikan mengikut dasar-dasar yang telah ditetapkan.

Perdana Menteri berkata ia juga bagi menentukan perjalanan sekolah kebangsaan tidak dicampuri oleh pihak-pihak yang tidak berkenaan.

"Kajian ini akan mengambil masa sedikit tetapi akhirnya kita akan tentukan sekolah kebangsaan ini merupakan sekolah kebangsaan yang sebenar dan tidak boleh ditukar oleh pihak-pihak lain yang bukan diberi tanggungjawab berkenaan urusan dasar pelajaran negara," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Katanya badan yang menjalankan kajian itu dipengerusikan beliau sendiri.

Dr Mahathir berkata kajian seumpama itu perlu dibuat memandangkan kini terdapat pelbagai jenis sekolah selain sekolah kebangsaan seperti sekolah agama milik kerajaan negeri, sekolah agama rakyat, sekolah yang diwujudkan oleh pihak swasta dan lain-lain.

"Kita kena kaji kerana matlamat kita ialah supaya semua anak-anak kita pergi ke sekolah kebangsaan di mana mereka mendapat didikan yang sudah ditentukan mengikut dasar negara dan berpeluang bergaul dengan kaum-kaum lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak lagi memberikan apa-apa bantuan kepada sekolah agama rakyat.

Sehubungan itu, beliau berkata kerajaan bersedia menyediakan tempat termasuk di sekolah kebangsaan kepada para pelajar sekolah agama rakyat yang tidak lagi dapat meneruskan pelajaran mereka.

"Kita ada sekolah kebangsaan yang mengajar agama yang mencukupi dan untuk mereka yang ingin meneruskan dalam bidang agama pun sudah ada sekolah milik kerajaan. Dengan itu kita berpendapat sekolah agama rakyat tidak perlu lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata secara amnya sekolah agama rakyat tidak mempunyai pembiayaan yang cukup dan bergantung kepada sokongan kerajaan selain tidak mempunyai guru yang benar-benar terlatih yang dibayar gaji seperti guru biasa.

Sekolah-sekolah seumpama itu juga didapati tidak mengajar pendidikan agama yang sebenar dan sebaliknya mengajar perkara yang bertentangan dengan agama, katanya.

"Umpamanya mengajar supaya orang Islam berpecah-belah, supaya orang Islam melempar fitnah dan membenci orang Islam lain dan sebagainya. Ini bukan sebahagian daripada ajaran Islam.

"Sebab itu kerajaan tidak akan memberi apa-apa bantuan kepada sekolah agama rakyat," katanya.

Menjawab pertanyaan pemberita, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak boleh menghalang sekolah agama rakyat daripada beroperasi jika ini dilakukan dengan sumber kewangan sendiri.

"Kita nak pujuk semua orang supaya balik ke sekolah kebangsaan yang mengajar pelajaran agama yang mencukupi dan ia merupakan pelajaran agama yang sebenarnya," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata Umno bersetuju dengan program khidmat negara yang menurut cadangan akan diwajibkan kepada remaja berusia 18 tahun.

"Tetapi ia memerlukan kajian mendalam dan (MT) memberi kepercayaan kepada (Menteri Pertahanan) Datuk Seri Najib (Tun Razak yang juga naib presiden Umno) untuk menjalankan tugas itu," katanya.

-- BERNAMA

MAM RZS LAT